

17 DEC 1996

AUSTRALIA DIMINTA BERTEGAS DALAM TANGANI ISU PERKAUMAN

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Majlis Kemahasiswaan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia meminta kerajaan mengambil tindakan tegas dengan mendesak kerajaan Australia untuk lebih prihatin dengan kebajikan dan keselamatan pelajar-pelajar dari Asia.

Pengerusinya Zaiyadi Awang Noh hari ini berkata, aspek keselamatan ini harus ditekankan kerana pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di negara itu tidak dijadikan mangsa kemelut politik dan perkauman di negara itu.

Tindakan seperti itu tidak harus wujud kerana sebagai sebuah negara maju dan memegang teguh prinsip demokrasi isu-isu berbau perkauman tidak seharusnya wujud, katanya dalam satu kenyataan di sini

Perkara ini bukanlah suatu yang baru, kerana beberapa perkara seumpamanya pernah dialami oleh pelajar Malaysia di United Kingdom sewaktu isu memboikot pemberian tender kepada Syarikat Britain katanya.

Ibu bapa yang ingin menghantar anak mereka belajar ke Australia supaya mencari alternatif lain seperti menghantar anak mereka belajar di Pusat Pengajian Tinggi tempatan, katanya.

Sementara itu pemimpin negeri Victoria di Australia, Jeff Kennet di petik oleh Reuters sebagai berkata beliau akan menulis kepada Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad untuk memberitahunya yang beliau sedia menyiasat laporan yang penuntut Malaysia menjadi mangsa isu perkauman di Melbourne. -- BERNAMA

NAS PR